

Sinar Harian  
Selasa, 6/12/2016

# TVET: Hasrat PM idealistik

Kementerian Sumber Manusia akan pastikan aspirasi negara itu dapat dipenuhi

**KUALALUMPUR** - Kementerian Sumber Manusia menyambut baik hasrat Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, yang mahu mewujudkan golongan Melayu kompetitif dan Melayu global melalui Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Timbalan menterinya, Datuk Seri Ismail Abd Muttalib berkata, hasrat perdana menteri yang disuarakan dalam ucapan penggulungan Perhimpunan Agung Umno Sabtu lalu adalah satu idea yang idealistik dan berpandangan jauh.

Menurutnya, ketika Malaysia dalam mempersiapkan diri untuk menjadi sebuah negara maju, golongan Melayu perlu turut berubah agendanya daripada bersifat lokaliti dan selesa kepada generasi yang berdaya saing serta mampu seiring dengan globalisasi.

"TVET adalah salah satu platform terbaik untuk orang Melayu menjadi lebih kompetitif dan bersaing secara global kerana elemen kemahiran tinggi menjadi asas utama kepada pembentukan sebuah negara maju.

"Jadi pihak kementerian akan cuba sebaik mungkin untuk merealisasikan aspirasi perdana menteri itu dengan memperkasakan lagi bidang TVET bermula dari peringkat akar umbi," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Ismail yang juga Ketua Umno Bahagian Maran berkata, sesungguhnya perdana menteri mahu membela nasib orang Melayu ini jelas terbukti apabila pada pem-



ISMAIL

bentangan Bajet 2017 lalu, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM4.6 bilion bagi memperkasakan institusi TVET.

Menurutnya, sejumlah RM50 juta disediakan untuk memperluas program Skim Latihan 1Malaysia oleh syarikat-syarikat

milik kerajaan kepada 20,000 graduan bagi tahun depan berbanding 15,000 pada tahun lalu.

"Misi kerajaan cukup jelas bahawa penyediaan dan pemantapan TVET ini amat penting bagi memastikan Malaysia mampu melahirkan kumpulan pekerja berkemahiran tinggi.

"Oleh itu, Kementerian Sumber Manusia akan memastikan per-

untukan yang disediakan itu dibelanjakan sebaik mungkin dalam memastikan program TVET terus berada di landasan yang betul," katanya.

Jelas Ismail lagi, pemerkasaan bidang TVET ini adalah sejajar dengan visi Transformasi Negara 2050 (TN50) yang diilhamkan oleh perdana menteri sebelum ini.

Beliau berkata, perjalanan menuju matlamat TN50 itu perlu digerakkan oleh golongan pekerja berkemahiran tinggi dan rakyat yang berdaya saing global.

"Kedua-dua elemen ini (TVET dan TN50) saling berkait rapat kerana usaha mentransformasikan negara tidak akan berjaya jika warga kerja tempatan tidak memiliki kemahiran tinggi.

"Kita tidak boleh mengharapkan tenaga kerja berkemahiran asing semata-mata untuk membangunkan negara sendiri," katanya.